

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	BANTU POKOK 'BERJUANG' HADAPI ANCAMAN JEREBU
	SUMBER	BH (5 OGOS 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	11 (KOMENTAR)

Bantu pokok 'berjuang' hadapi ancaman jerebu



Profesor Madya
Jabatan Senibina
Landskap,
Fakulti Rekabentuk
dan Senibina,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Oleh Prof Madya Dr Sreetheran
Maruthaveeran
bhrencana@bh.com.my

Kita sering memfokuskan implikasi jerebu terhadap kesihatan manusia seperti masalah pernafasan, iritasi mata dan penurunan kualiti hidup, tetapi sering terlepas pandang kepada bagaimana ia memberi kesan serius terhadap pokok di kawasan perbandaran.

Di tengah-tengah kota yang sibuk dan penuh bangunan konkrit, pokok bukan sahaja menghijaukan landskap, bahkan membantu menyejukkan suhu persekitaran, menyaring habuk dan bahan pencemar udara, habitat kepada pelbagai hidupan liar serta menyediakan kawasan untuk penghuni bandar beriadah.

Namun, kehadiran jerebu secara berterusan boleh menjejaskan kesihatan dan fungsi ekologi pokok kerana ia mengandungi partikel halus seperti PM10 dan PM2.5 yang terapan dan mengaburkan cahaya matahari.

Apabila jerebu menebal atau berterusan, kadar penembusan cahaya ke dalam daun akan menurun, menyebabkan fotosintesis terganggu. Akibatnya, pertumbuhan pokok menjadi perlahan dan daya tahan terhadap penyakit menurun.

Partikel pencemar dalam jerebu seperti sulfur dioksida, nitrogen dioksida dan ozon boleh mendap ke permukaan daun. Ini menyebabkan liang stomata (pembukaan kecil pada daun) tersumbat, menyekat pertukaran gas yang penting untuk pernafasan tumbuhan.

Bahan kimia ini juga boleh merosakkan tisu daun dan mempercepatkan proses penguguran

daun, akhirnya menjejaskan kesihatan pokok secara keseluruhan.

Tekanan alam sekitar berpanjangan akibat jerebu juga boleh menyebabkan pokok lebih mudah diserang serangga perosak dan penyakit. Pokok 'tertekan' juga cenderung menjadi lebih rapuh dan mudah tumbang dalam cuaca buruk, seperti ribut atau angin kencang menimbulkan risiko kepada keselamatan awam di kawasan bandar.

Apabila pokok mula menunjukkan tanda kemerosotan akibat jerebu, kesan berangkai akan berlaku. Kehilangan daun akan mengurangkan keupayaan pokok menyaring udara, justeru mempercepatkan pencemaran.

Habitat fauna bandar juga akan terjejas, termasuk burung dan serangga pendebunga. Dalam jangka panjang, fungsi ekologi dan keseimbangan iklim mikro bandar boleh terjejas.

Oleh itu, langkah mitigasi amat penting untuk memelihara kesihatan pokok.



Pertama, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pegawai bertanggungjawab ke atas landskap bandar mahupun arboris bertauliah perlu menjalankan pemantauan berkala ke atas keadaan fizikal pokok, terutama ketika jerebu berterusan.

Kedua, pemilihan spesies pokok toleransi pencemaran perlu dilakukan dalam proses perancangan landskap bandar. Keutamaan harus diberikan kepada spesies pokok terbukti lebih tahan terhadap pencemaran udara.

PBT boleh mempertimbangkan spesies pokok mampu bertoleransi dalam keadaan udara tercemar seperti sepag, ara, sena dan dedap merah. Kajian lain di India menunjukkan pokok seperti ara dan jelutong antara yang toleransi terhadap debu di udara.

Ketiga, pembersihan berkala permukaan daun dengan air atau melalui siraman boleh membantu mengurangkan pemendapan partikel toksik di kawasan dengan kadar jerebu tinggi.

Keempat, masyarakat perlu dididik dan diberi tahap kesedaran mengenai kepentingan pokok bandar dan bagaimana jerebu menjejaskan alam sekitar. Terdapat kajian di Brazil menunjukkan peningkatan kawasan hijau, kesedaran ekologi, keterlibatan sosial serta kesejahteraan dalam kalangan pelajar dan komuniti di kawasan yang dilaksanakan program Pendidikan Alam Sekitar.

Jerebu bukan hanya krisis kesihatan awam, tetapi ancaman kepada sistem hijau di bandar. Pokok yang kita anggap pasif sebenarnya sedang 'berjuang' dalam senyap untuk terus hidup dan melindungi kita.

Jika kita tidak mengambil langkah proaktif, kita bukan sahaja kehilangan manfaat pokok ini, bahkan mengorbankan masa depan bandar yang lebih sihat dan lestari.

2.	TAJUK	TAPAK WARISAN DUNIA LAMBANG JATI DIRI NEGARA DI PENTAS GLOBAL
	SUMBER	BH (6 OGOS 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

Tapak Warisan Dunia lambang jati diri negara di pentas global

Muhammad Najmudin Nadzri, Mahasiswa Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, (UUM)

Tapak Warisan Dunia adalah pengiktirafan diberikan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO) kepada lokasi mempunyai nilai sejagat luar biasa, sama ada dari segi warisan budaya, semula jadi atau gabungan kedua-duanya. Tapak ini penting untuk dilindungi dan dipelihara demi kelangsungan warisan manusia sejagat.

Idea mewujudkan gerakan antarabangsa melindungi warisan dunia muncul selepas Perang Dunia Kedua. Pelbagai warisan budaya yang rosak atau musnah mendorong keperluan mendesak bagi melindungi tinggalan sejarah dan budaya dunia.

Kebimbangan global terhadap isu ini semakin meningkat apabila rancangan pembinaan Empangan Aswan di Mesir dijangka menenggelamkan kawasan Lembah Nubia menempatkan Kuil Abu Simbel, satu daripada khazanah terpenting tamadun Mesir purba serta beberapa monumen peradaban lain.

Kejadian ini menjadi titik tolak kepada usaha bersama untuk menyelamatkan tapak warisan berisiko musnah atau tenggelam.

Kempen antarabangsa menyelamatkan monumen Nubia, Mesir adalah peristiwa mencetuskan permulaan kepada Konvensyen Warisan Dunia. Kejayaan kempen ini turut mendorong pelaksanaan usaha pemuliharaan lain menyelamatkan Venice and Its Lagoon, Itali; Archaeological Ruins at Moenjodaro, Pakistan dan Kompleks Candi Borobudur, Indonesia.

Konvensyen Warisan Dunia 1972 adalah instru-

men global penting untuk perlindungan warisan budaya dan semula jadi di seluruh dunia. Konvensyen ini diterima pakai UNESCO di Paris pada 16 November 1972 dan berkuat kuasa pada 1975. Australia menjadi negara pertama meratifikasi konvensyen ini.

Malaysia meratifikasi konvensyen ini pada 7 Disember 1988. Sehingga 2025, UNESCO mencatatkan 1,248 tapak diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Asia Tenggara diketahui rantau memiliki banyak tapak warisan dunia unik. Malaysia setakat ini berjaya menyenaraikan enam tapak warisan dunia, antaranya Taman Kinabalu, Sabah

pada 2000, Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak (2000), Bandar Bersejarah Selat Melaka, Melaka dan Georgetown (2008).

Warisan Arkeologi Lembah Lenggong, Perak pada 2012, Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah, Sarawak (2024) dan Taman Perhutanan Selangor Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM FPS) (2025).


Penyenaraian ini mencerminkan usaha berterusan negara menjaga kelestarian kawasan berkepentingan semula jadi dan budaya diiktiraf mempunyai nilai sejagat. Ia membantu memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai antara negara serius memelihara warisan.

Malaysia juga mengenal pasti dan mencalonkan beberapa tapak baharu untuk dipertimbangkan menjadi Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa akan datang.

Antara tapak tersenarai ialah Taman Negara, Permatang Kuarza Gombak, Selangor; Taman Negeri Royal Belum dan Leprosarium Sungai Buloh. Pencalonan ini memperlihatkan kesungguhan Malaysia menentang warisan semula jadi dan budaya bernilai tinggi untuk perhatian dunia.

Pengiktirafan UNESCO menandakan betapa Malaysia memiliki khazanah yang pelbagai dan bernilai tinggi. Pengiktirafan ini bukan semata-mata mengejar prestij, tetapi satu strategi jangka panjang memperkukuh identiti negara di mata

Dengan komitmen berterusan, lebih banyak tapak warisan di Malaysia boleh diangkat ke pentas dunia, mengukuh imej negara sebagai destinasi warisan kelas pertama.



Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak. (Foto fail NSTP)

3.	TAJUK	OPERASI BERSEPADU DI PJ : 18 MOTOR KENA SITA
	SUMBER	HARIAN METRO (6 OGOS 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (LOKAL)



SEMUA motosikal yang disita dibawa ke IPD Petaling Jaya untuk ujian saringan bunyi oleh pihak JAS.

OPERASI BERSEPADU DI PJ 18 motor kena sita!

Oleh Noor Hidayah
Tanziel
hidayah.tanziel@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Polis menyita 18 motosikal dan mengeluarkan 101 saman atas pelbagai kesalahan dalam operasi bersepadu di sekitar daerah ini, Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisisioner Shahrudinizam Ja'far berkata, operasi dilakukan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (BSPT) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor.

Menurutnya, sebanyak 150 motosikal dan 172 individu diperiksa dalam operasi berkenaan.

"Susulan itu, 18 moto-

sikal disita mengikut Seksyen 64(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 atas pelbagai kesalahan terutama membolehkan pengubahsuaian peralatan, ekzos dan komponen motosikal.

"Semua motosikal itu dibawa ke IPD Petaling Jaya untuk ujian saringan bunyi oleh pihak JAS dan 12 daripadanya didapati gagal ujian saringan bunyi dan diberikan notis," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut mengeluarkan 101 saman atas pelbagai kesalahan lalu lintas terhadap penunggang dan pembocong motosikal.

"Operasi itu akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan pihak berkuasa," katanya.



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**